

Kempen PICKids menerusi tazkirah masjid, surau sepanjang Ramadan

Oleh Zaid Salim - April 2, 2022 @ 8:21pm
bhnews@bh.com.my

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri akan memperhebatkan kempen kesedaran vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak termasuk melalui slot tazkirah di masjid dan surau sepanjang Ramadan ini.

Tindakan itu susulan sikap bertanggung membabitkan ibu bapa untuk membenarkan anak mereka divaksinasi, yang menyebabkan negeri ini terus berada di kedudukan kedua paling rendah menerima suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) sejak dilaksanakan Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Terengganu, Dr Alias Razak, berkata setakat semalam, hanya 12.4 peratus (22,240 orang) daripada 178,700 populasi kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun di seluruh negeri ini menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19.

Beliau berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai usaha dan kempen termasuk di peringkat Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta kuliah Maghrib bagi menerangkan kepentingan vaksin kepada ibu bapa, namun tahap kesedarannya masih rendah.

"Antara lain, ibu bapa enggan membenarkan anak mereka divaksinasi kerana bimbang kesan sampingan atau mahu melihat orang lain disuntik dulu kononnya bagi menilai keberkesanan vaksin itu.

"Sikap tunggu dan lihat, selain mitos yang tersebar melalui media sosial hingga mempengaruhi ibu bapa turut menjadi penyebab PICKids kurang mendapat sambutan di Terengganu," katanya selepas merasmikan Kempen Nafas Baharu Bermula Ramadan dan Pelancaran Operasi Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam Peringkat Negeri Terengganu, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemani Embong.

Dr Alias berkata, walaupun berdepan cabaran besar untuk mengubah minda negatif ibu bapa terhadap vaksin kanak-kanak, kerajaan negeri tetap berusaha menggunakan pendekatan lebih berhemah dalam menyantuni mereka.

Katanya, sebilangan besar ibu bapa mendakwa bukan menolak sepenuhnya vaksin untuk kanak-kanak, namun mereka memberi alasan bimbang terhadap kesan sampingannya sedangkan tiada kes buruk yang berlaku setakat ini.

"Kita berharap ibu bapa mendapat maklumat tepat mengenai program vaksinasi ini kerana peralihan fasa endemik sekarang menyebabkan tiada lagi sekatan atau peraturan ketat bagi majlis sosial.

"Ini boleh meningkatkan lagi risiko jangkitan, namun jika ada vaksin, ia sekurang-kurangnya memberi perlindungan kesihatan kepada anak mereka," katanya.